

**Malaysia - India meterai perjanjian ekstradisi**  
**Malaysiakini.com**  
**Jan 21, 2010**

Malaysia dan India menyaksikan anjakan besar dalam perhubungan dengan termetrainya perjanjian ekstradisi, di samping dua perjanjian lain.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Anifah Aman dan rakan sejawatannya dari India S.M. Krishnan menandatangani dokumen bersejarah itu, yang akan membantu menangani jenayah sempadan.

Kedua-dua kerajaan menandatangani draf perjanjian pada 2002 dan sejak itu pegawai-pegawai terus memperhalusi dokumen semasa mesyuarat tahunan suruhanjaya bersama kedua-dua negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak yang sedang melawat India dan rakan sejawatannya Manmohan Singh mengadakan mesyuarat hampir dua jam di New Delhi, dengan menteri-menteri kanan kabinet dari kedua-dua pihak turut hadir.

Dua lagi perjanjian yang ditandatangani - Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai Pengajian Tinggi dan Perjanjian Kerjasama Pasaran Modal Malaysia-India antara Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Securities and Exchange Board of India (SEBI).

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohd Khaled Nordin dan Menteri Pembangunan Sumber Manusia India Kapil Sibal menandatangani perjanjian pendidikan.

Pengerusi SC Tan Sri Zarinah Anwar menandatangani dokumen berhubung pasaran modal sementara SEBI diwakili oleh pengurusinya C.B.Bhave.

- *Bernama*

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/122435>